

1984

MAHATHIR - BANK BUMI
KUALA LUMPUR, 24 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR
MOHAMAD MARAH WERANA ADA GOLONGAN YANG BUKAN SAHAJA CUBA MENJATUHKAN
PEMIMPIN MELAYU TETAPI JUGA MAHU + MENJAHANAMKAN + BANK BUMIPUTRA
DENGAN MENGASTKANNYA DENGAN ISU PINJAMAN LEBIH \$ 2 RIBU JUTA YANG
DIKELUARKAN OLEH BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF).
+ ABA PERCUBAAN UNTUK MELIBATKAN BANK BUMIPUTRA DALAM SOAL
PINJAMAN BMF ITU DAN NAMPAKNYA IA JUGA SATU PERCUBAAN UNTUK
MENJATUHKAN BANK BUMIPUTERA.

+ NAMPAKNYA DENGAN MENGGUNAKAN ISU BMF, ORANG-ORANG INI BUKAN
SAHAJA CUBA MENUMBANGKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MELAYU TETAPI JUGA, KALAU
BOLEH, BAGI JAHANAM LANGSUNG BANK BUMIPUTRA, + KATANYA SELEPAS
MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MINGGUAN KABINET DI PEJABATNYA HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TAHU SIAPA MEREKA YANG
BERKENAAN SERTA NIAT DAN TUJUAN MEREKA MELAKUKAN TINDAK-TANDUK
DEMIKIAN.

SUNGGUHPUN BELIAU ENGGAN MENDEDAHKAN ORANG-ORANG YANG TERLIBAT,
ADALAH JELAS KENYATAANNYA DIMAKSUDKAN KEPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG
TERUTAMA DAP SERTA PIHAK YANG ADA KEPENTINGAN DIRI YANG MENGELUARKAN
KENYATAAN MEMBIDAS BANK BUMIPUTRA YANG SABAN HARI DISIARKAN DENGAN
MELUAS OLEH AKHBAR-AKHBAR.

+ RAMAI ORANG MEMBAWA BERMACAM-MACAM TUDUMAN TERHADAP BANK
BUMIPUTRA WALHAL PERKARA YANG BERLAKU (ISU PINJAMAN), IALAH KEPADA
BMF, + KATANYA DENGAN KESAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA SEDIH DENGAN KEGHAIRAHAN SEBUAH
AKHBAR BAHASA INGGERIS YANG MEMBESAR-BESARKAN BERXTA MENGENAI BANK
BUMIPUTRA DENGAN MEMETIK LAPORAN INTERIM JAWATANKUASA PENYIASAT KES
BMF YANG TELAH DISIAPKAN OLEH PASUKAN YANG DIKETAUI OLEH KETUA AUDIT
NEGARA, TAN SRI AHMAD NOORDIN.

SUMBER-SUMBER YANG RAPAT DENGAN PERDANA MENTERI BERKATA PERDANA
MENTER X KESAL LEBIH-LEBIH LAGI KERANA LAPORAN ITU MASIH MENJADI
PERKARA SULIT DAN BARU DITERIMA OLEH KABINET PAGI TADI.

+ NAMPAKNYA AKHBAR BERKENAAN TURUT TERLIBAT UNTUK MENJATUHKAN
NAMA BANK BUMIPUTRA, + KATA PERDANA MENTERI.

+ KAMI TAHU SIAPA YANG TERLIBAT DAN NIAT DAN MAKSUD MEREKA. +

DITANYA SAMADA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN, DATUK SERI DR.
MAHATHIR MENJAWAB: + BENDA SEMACAM INI BUKAN ADA BUKTI KONKRIT YANG
BOLEH DIBAWA KE MAHKAMAH. +

SEBELUM INI, DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MELAYU TELAH
MENGKRITIK AKHBAR TERSEBUT KERANA MENYIARKAN LAPORAN ANAL MENGENAI
BMF ITU DAN MEMINTA KEMENTERIAN DALAM NEGERI MENYIASAT MEREKA YANG
MEMBOCORKAN LAPORAN ITU KEPADA AKHBAR BERKENAAN.

TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN, ENCIK MOHAMAD IZAT EMIR MENDAKWA
BAHAWA PEMBOCOKAN LAPORAN TERSEBUT BERTUJUAN MEMBURUK-BURUKKAN
KEPIMPINAN MELAYU DI NEGARA INI. -- BERNAMA